

Edisi

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil. 3/2019 • NASKAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 -635X



HUKUM LUKISAN MANUSIA

MS 6

KARTUN DAN KANAK-KANAK

Sebutkan watak-watak fantasi ini. Mickey Mouse. Donald Duck. Pluto. Smurf. Scoobydoo. Atau watak tempatan. *Boboi Boy. Upin Ipin. Ejen Ali.* Hampir semua orang mengenalinya. Baik mereka budak-budak. Mahu pun sudah menjadi bapa dan emak budak.

Samb. • ms/3 >>

KALAM PUJANGGA



Bukan dilarang membuat cita-cita yang baru, tetapi berfikirlah dengan wajar. Yang akan datang itu disyukuri, yang telah ada itu lebih disyukuri lagi.

Petikan kata-kata hikmah dari Prof. Dr. Hamka
Sumber: Buku Renungan Tasawuf



AWAS PROPAGANDA
KARTUN
MS 4

PERSATUAN PENCINTA
TULISAN JAWI SELANGOR
(PENJAWIS)
MS 10

SOAL JAWAB
BERKAITAN MAULIDUR
RASUL
MS 16

Mudah & Pantas

JOM BERZAKAT MENGGUNAKAN

E-MAJIKAN

01 SEPTEMBER - 30 NOVEMBER 2019

JOM GUNA E-MAJIKAN DENGAN 2 LANGKAH MUDAH

- Buat bayaran daripada sistem E-Majikan menggunakan FPX
- Muat naik data ke E-Majikan bagi pembayaran yang menggunakan cek & telegraphic transfer

REBUT PELUANG MEMENANGI

Hadiah PERTAMA

Hadiah KEDUA

Hadiah SAGUHATI



1 Unit Komputer Riba
Bernilai RM2,000



1 Unit Tablet
Bernilai RM1,000



10 Unit Kad Petrol
Bernilai RM100

TERMA & SYARAT

- Terbuka kepada majikan yang membuat pembayaran caruman zakat SPG menggunakan E-majikan
- Tempoh kempen bermula 01 September - 30 November 2019
- Pemenang dipilih berdasarkan cabutan bertuah (e-cabutan) untuk pemenang hadiah pertama, kedua dan saguhati sahaja
- Tiada bayaran minima untuk menyertai kempen
- Penganjur berhak melakukan pindaan terhadap hadiah dan kaedah pemberian pada bila-bila masa tanpa sebarang notis
- Keputusan pemilihan para pemenang adalah muktamad dan diaudit
- Hadiah yang tidak dituntut selepas 3 bulan menjadi hak LZS
- Sertai kempen ini melalui <https://www.zakatselangor.com.my/promosi>

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG
Siti Zurinah binti Zainal
Abidin

PENOLONG PENGARANG
Muhammad Syafiq bin
Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

JURUFOTO
Shahrul Effendy bin Md Saat

WARTAWAN
Halim bin Mokhtar
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

KOLUMNIS
Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Hamizul bin Abdul Hamid

KARTUN DAN KANAK-KANAK

<< Samb. • ms/1

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)**

Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS

Sumber Foto: **Didi & Friends - Nursery Rhymes & Kids Songs & https://www.azhan.co/koleksi-wallpaper-dan-gambar-comel-didi-friends-penghias-desktop-anda/**

Kartun dan kanak-kanak, ibarat dunia yang bercantum. Sukar dipisahkan. Kartun sentiasa penting kepada mereka. Di hati anak-anak kita, kartun mendapat tempat yang istimewa. Maka, kartun perlu dijadikan wahana mendidik. Perkara inilah yang dilakukan oleh karyawan kita. *Upin Ipin* misalnya. Kartun yang penuh dengan iktibar. Menebar kasih sayang. Mengajar erti pengorbanan.

Sebelum ini, kita pasti teringat dengan kartunis Ujang. Dulu, beliau mengasah bakat di majalah *Gila-Gila*. Itu era 1980-an. Ujang dan kartunis lain, menjentik kita untuk berhibur. Humor mereka untuk pelbagai golongan. Dari anak-anak kecil, hingga orang dewasa. Ujang kemudiannya mengubah kartun menjadi 'senjata dakwah'. Sebahagian kita, pasti teringat majalah *Lanun* (sekitar 1990-an). Elemen dakwahnya sarat digarap lewat kartun.

Selain humor, kartun juga ada elemen seni. Ia menyuntik sesuatu yang bersifat batin. Yang maknawi. Sesuatu yang tersembunyi dalam hati. Seni itu melentur manusia untuk menjadi 'perasa'. Sensitif dengan persekitaran. Mesra dengan alam. Tidak menjadi ganas. Apa lagi rakus dan bengis. Seni mendidik kita menjadi orang yang ramah. Sopan. Penuh santun. Tidak perengus. Tidak pemarah. Jika marah sekali pun, masih berbaur seni juga. Cuba lihat A. Samad Said marah, penuh seni bermaruah.

Mutakhir ini, anak-anak kita mendepani cabaran dunia luar biasa. Mereka tidak lagi perlu menunggu siaran kartun di kaca TV. Gajet malah menawarkan lebih lagi. Mereka boleh menentukan apa yang dicari. TV juga punya pilihan yang melampau. Jika saluran kartun, macam-macam pilihan disaji. Bahkan 24 jam lagi!

Inilah cabaran besar anak-anak IT. Jauh lebih mencabar dari zaman kita. Anak-anak yang lahir sebelum 1990-an, adalah generasi teknologi kuno. Maka, jangan menyangka apa yang kita depani, sama dengan anak-anak zaman internet. Naif sekali. Ibu bapa hari ini, perlu tahu. Anak-anak hari ini lapar maklumat. Lebih bahaya, anak-anak bisa menjadi hantu internet!

Justeru itu, apa perlu kita buat? Ini persoalan besar. Kita sedang membicarakan perihal kartun. Maka, ibu bapa wajar mendokong idea mendidik melalui kartun. Media, buku dan majalah kanak-kanak yang mendidik dengan kartun perlu disokong. Majalah *Ana Muslim* misalnya. Asuh juga. Inilah antara majalah kartun Islami. Mendidik sepenuh hati. Bukan sekadar 'mencetak keuntungan' dunia. Tetapi melabur demi akhirat sekali. Demikian juga kartun TV yang baik. Perlu dokongan yang berterusan.

Jangan biarkan media bagus seperti ini pupus. Dengan kecanggihan media sosial, majalah dan komik amat terkesan. Mereka selalu bergelut menyambung keluaran. Jika kita tidak membantu mereka, tidak mustahil mereka akan menjadi 'batu nisan'. Sedang anak-anak kita, mereka tetap memerlukan wahana kartun yang baik. Seperti mana kita dulu, memerlukan *Bujal*, *Cumi Ciki* dan *Sang Kancil*. Kekal melekat di minda. Sampai kita tua. Wallahu'lam.

Edisi



PELAWAAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL AL - UMMAH

SEMUA PELANGGAN JAIS ADALAH DIPELAWA UNTUK MENULIS ARTIKEL YANG MERANGKUM ISU-ISU TERAS AGAMA ISLAM (AKIDAH, SYARIAH, AKHLAK DAN PENDIDIKAN). HASIL TULISAN YANG DIPILIH AKAN DIMUATKAN DI DALAM JURNAL AL - UMMAH YANG AKAN DITERBITKAN SETIAP TAHUN

PANDUAN PENULISAN ARTIKEL LAYARI :
www.jais.gov.my
DI RUANGAN HAL EHWAL ISLAM, JURNAL

Hasil Penulisan Artikel Boleh Di Hantar Ke Alamat E-Mail Seperti Berikut :-
jurnalummah@jais.gov.my

TEMPOH BAGI PENGHANTARAN ARTIKEL ADALAH SEPANJANG MASA DAN TIADA TARikh TUTUP

SEBAGANG PERTANYAAN BOLEH MENGHUBungi UNIT PENAPISAN DAN MEDIA, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI TALIAN 03-5514 3797 / 3798

AWAS PROPAGANDA KARTUN

Oleh: Encik Muhammad Firdaus Bin Abdullah (firdaus@mais.gov.my)
 Eksekutif, Bahagian Penyelidikan MAIS
 Sumber: *Buku Ancaman Global Freemasonry (Harun Yahya)*

Kehidupan masyarakat kini yang terdedah dengan arus kemodenan menjerumuskan masyarakat kepada perkara yang boleh merosakkan akal fikiran dan personaliti secara tidak sedar. Perkara tersebut antaranya penulisan dan lukisan yang secara tidak langsung menjadi ancaman yang boleh merosakkan minda dan fikiran masyarakat. Kartun adalah merupakan elemen yang menjadi kemestian rutin harian untuk ditonton atau dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

Kartun yang menampilkan watak-watak seperti animasi fiksyen berbentuk adiwira adalah menjadi kegemaran khususnya pelajar sekolah dan kanak-kanak. Ianya memberikan kesan kepada personaliti, tingkahlaku, emosi dan fikiran mereka. Menurut kajian saintifik, penonjolan adiwira-adiwira lama yang dimodenkan menjadi pelbagai watak dengan gaya dan jalan cerita baru sesuai dengan keadaan terkini memberikan kesan kepada psikologi semua lapisan masyarakat. Perkembangan ini dilihat tidak baik kerana menjadi contoh dan teladan ikutan melalui pakaian, peralatan persekolahan, identiti dan cita-cita.

Mengambil contoh animasi *Alvin and The Chipmunks*, tupai kecil (Chipmunks) memanggil nama ayahnya 'Dave' dan animasi *Pickle and Peanuts* yang sering menyebut perkataan dan membuat aksi lucah. Dalam contoh lain, watak Maruko dalam animasi *Maruko Chan* yang suka mendesak dan memaksa ibubapanya menurut kehendaknya dan memberontak sekiranya tidak ditunaikan permintaannya. Lebih parah lagi apabila kecenderungan kanak-kanak lelaki meniru aksi ganas yang diperlakukan keatas kawan dan adik bradik selepas menonton aksi-aksi yang dipaparkan dalam kartun tersebut. Manakala kanak-kanak perempuan yang meningkat dewasa pula gemar memakai pakaian seperti gaun dan skirt meniru watak puteri seperti Elsa dalam kartun *Frozen*, *Snow White* dan *Cinderella*.

Penjajahan fikiran ini sebenarnya merupakan suatu propaganda bagi mengalihkan tumpuan manusia semenjak kecil lagi untuk meniru watak-watak tertentu sebagai *role model*. Ianya bercanggah dengan tuntutan agama Islam yang menekankan asas pendidikan awal bagi golongan kanak-kanak adalah penerapan nilai-nilai akhlak mulia. Propaganda melalui kartun ini merupakan kaedah baru bagi menjajah sesuatu negara, bangsa dan agama selepas berakhirnya perang salib dengan tidak perlu mengorbankan nyawa manusia serta harta benda. Idea ini dicetuskan oleh gerakan yang dikenali sebagai *Freemason* dan *Illuminati* dengan tujuan mereka untuk menguasai dunia seperti slogan mereka "New World Order". Gerakan ini telah mewujudkan syarikat seperti *Walt Disney*, *Metro Goldwyn Mayer*, *Paramount Picture Corporation*, *Warner Bros* dan lain-lain bagi tujuan tersebut.

Ibu bapa dan para pendidik hendaklah memainkan peranan mengawal dan mencegah bagi memastikan generasi muda tidak rosak dan menjadi tunggak agama dan bangsa yang boleh diharapkan. Pemilihan kartun animasi yang bersesuaian adalah penting agar ia dapat memberikan pengaruh yang baik, menyumbang kepada pembentukan personaliti dan bukan hanya semata-mata hiburan. **Edisi**



Gambar Hiasan



ANIMASI ISLAM MENCUTT HATI GENERASI MUDA

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat MAIS

Sumber: <https://www.bharian.com.my/node/106093>

Sumber Foto: <https://www.imdb.com/title/tt9336138/mediaviewer/rm1593079296> & <https://www.rtm.gov.my/index.php/pengguna/awam/siaran-media/2853-siaran-media-kartun-animasi-islam-pengembalaan-adam-di-tv1>

Perkembangan teknologi pada masa kini adalah merupakan impak sosial yang besar dan hebat dalam aspek tamadun bangsa. Identiti bangsa dan warisan Islam semakin dipinggirkan, terutama oleh generasi muda yang hanyut dibuai pesona budaya asing yang dibawa oleh Barat.

Teknologi sentiasa berkembang dan harus difikirkan bagaimana untuk mengembangkan kesedaran masyarakat dalam mensinergikan pembangunan teknologi dengan pembangunan insan terutamanya kepada generasi muda. Realiti hari ini dapat dilihat terpisahnya golongan agama dan profesional seolah-olah satu bentuk sekularisme. Ia terhasil daripada pendidikan yang memisahkan agama dan ilmu. Kemajuan teknologi dianggap gagal sekiranya ia tidak dapat menghubungkan manusia dengan Maha Pencipta.

Masyarakat amat terpengaruh dengan apa yang ditayangkan di media massa. Justeru, ia adalah peluang untuk pendakwah teknologi masa kini menggunakan kepakaran dalam bidang masing-masing, memainkan peranan dan memikul tanggungjawab dakwah. Di sinilah pentingnya ruang dan kepakaran itu dimanfaatkan bagi menakluki hati masyarakat.

Pembangunan jiwa ummah Generasi Muda

Kanak-kanak juga adalah kelompok yang tidak boleh dipencarkan dalam arena dakwah. Generasi muda yang terdidik dengan acuan yang betul mampu memberi corak yang positif terhadap pembangunan negara. Justeru, pembangunan negara yang mapan perlu bermula dengan pembangunan jiwa ummah yang mantap.

Industri animasi atau kartun di negara Malaysia ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Banyak animasi yang diterbitkan ini menampilkan sahsiah dan keperibadian mulia seseorang dalam menjalani kehidupan sehari-hari sebagai seorang Islam. Antaranya seperti Omar dan Hana dan Pengembalaan Adam.

Bukan setakat kualiti maklumat yang disalurkan dalam animasi itu dipentingkan, malah ia satu cabang dakwah yang berkesan untuk menambat hati generasi muda dan kanak-kanak. Itulah elemen yang mampu disuntik dalam kerangka pembangunan jiwa ummah bagi golongan teknodaei yang tercari-cari peluang dan ruang yang mudah untuk mendekati masyarakat.

Berdakwah tidak hanya terhad dengan cara yang membabitkan pendengar atau penonton, tetapi kalangan pembaca juga perlu diambil kira. Sastera dan novel mampu dijadikan alat dakwah dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat supaya memahami Islam secara menyeluruh.

Oleh itu, penghasilan karya animasi islamik dan manfaat daripada perkembangan teknologi perlu disinergikan untuk mendekati masyarakat pada masa kini terutama daripada generasi muda bagi pembangunan jiwa ummah yang mantap. **Edisi**



“HUKUM LUKISAN MANUSIA”

Susunan oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi MAIS

Hukum melukis gambar atau kartun

Hukum asal permasalahan ini adalah berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Maksudnya: “Sesiapa yang melukis atau mengukir gambar sesungguhnya Allah akan mengazabnya sehingga (jika disuruh) meniupkan ruh ke dalam gambar tersebut dia tidak mampu berbuat demikian selama-lamanya.” Riwayat al-Bukhari (2225)

Di dalam riwayat yang lain menyebut yang maksudnya: “Setiap penggambar diseksa di dalam neraka, dijadikan setiap gambar yang digambarkan sebagai ruh maka ia menjadi alat penyeksanya di dalam Neraka Jahanam.” Riwayat Muslim (3945), Imam Ahmad (2671) di dalam Musnadnya.

Sejurus selepas hadis ini disebutkan Ibnu Abbas menyatakan yang maksudnya: “Jika engkau terpaksa melakukan maka buatlah (gambar) pokok atau apa-apa yang tidak bernyawa.”

Dapat kita fahami jika lukisan itu adalah selain dari makhluk bernyawa seperti lukisan pokok, laut, gunung-ganang maka dibolehkan. Larangan yang disebutkan oleh Nabi SAW adalah menjurus kepada pembuatan patung yang mempunyai jisim dan berbayang serta menyerupai makhluk yang bernyawa di mana ianya dijadikan sebagai sembahannya. Ianya juga dikiaskan kepada lukisan-lukisan yang dilakar makhluk yang bernyawa kerana ianya juga menjadi satu penyembahan sepertimana yang berlaku kepada umat kristian yang melakar gambar Nabi Isa dan para hawariyyun yang mana mereka mempercayai itulah gambaran Nabi Isa dan para hawariyyun Baginda.


Kata al-Aini: “Melukis gambar makhluk yang bernyawa (mengukir patung) adalah tidak dibenarkan kerana ianya disembah pada zaman Jahiliyyah. Maka tidak dibenarkan walaupun ianya tidak mempunyai bayang dan juga tidak berjisim (merujuk kepada gambar dan lukisan) untuk menutup pintu kerosakan.” Rujuk ‘Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari (18/162)

Lukisan makhluk bernyawa tersebut jika diletakkan di tempat yang mulia dan tidak menghinakannya seperti digantung di tempat yang yang tinggi. Ini berdasarkan peristiwa yang telah diceritakan oleh Aisyah r.anha:

Maksudnya: “Rasulullah SAW pulang dari safar dan aku menutup bilik kecilku dengan sebidang kain yang terdapat padanya gambar-gambar(lukisan-lukisan benda yang bernyawa). Apabila Rasulullah SAW melihatnya Rasulullah menyentapnya seraya bersabda :”Sesungguhnya Manusia yang paling dahsyat azabnya pada hari Kiamat adalah mereka yang melakukan sesuatu yang menyerupai makhluk Allah (yang bernyawa). Kata Aisyah: Kami menjadikan kain tersebut sebuah atau dua buah bantal.” Riwayat al-Bukhari (5498)

Kesemua larangan ini adalah berbentuk sad al-Zari’ah (menutup pintu kerosakan) kerana ditakuti menjadi objek penyembahan yang boleh merosakkan akidah. Adapun jika lukisan itu bertujuan yang tidak bercanggah dengan syara’ seperti digunakan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan atau dakwah maka ianya dibenarkan. Maka lukisan-lukisan yang dilakar dengan tujuan sedemikian tidaklah diharamkan kerana ianya dibuat bukan kerana dipuja atau disembah akan tetapi ianya adalah salah satu bentuk pendidikan dan dakwah bagi kanak-kanak khususnya dan ianya dianggap sebagai maslahat yang umum.

Moga ada manfaatnya. Wallahu a’lam. **Edisi**



Gambar Hiasan

DAKWAH ZAKAT DENGAN KARTUN

Susunan oleh: Mohd Sabri Bin Mat Nor @ Rinor (sabrimn@zakatselangor.com.my)
Eksekutif Kanan Jabatan Majikan, Divisyen Kutipan, LZS

Tok Amil Cyber. Itulah saya. Watak itu yang saya cipta sebagai ikon pendakwah zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Rinor pula adalah nama samaran saya.

Kartun-kartun saya disasarkan kepada semua peringkat umur. Saya turut menyelitkan elemen haiwan, yang begitu sinonim dengan manusia, iaitu kucing atau tikus pada setiap kartun. Ia bertindak sebagai penokok tambah dialog dalam memberi nasihat dan sindiran. Kebanyakkannya kartun yang dipersembahkan pada umum adalah diadaptasikan dari keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Jadi ia memang sarat dengan pendidikan dan pengajaran.

Saya menggunakan nama 'Rinor' dalam kartun sudah lama. Saya menyertai LZS sejak 1995 lagi. Ini bermakna sudah kira-kira 24 tahun saya melukis di LZS. Saya melakar kartun untuk menyampaikan idea dan mesej zakat berdasarkan pengalaman kepada masyarakat. Pelbagai ragam masyarakat dialami oleh Tok Amil Cyber (yang hakikatnya saya yang mengalaminya sendiri). Ia sama ada

dalam situasi membayar zakat, memohon bantuan zakat maupun ketika berdakwah tentang zakat.

Jadi, peranan Tok Amil Cyber adalah menjelaskan kepada masyarakat tentang bagaimana LZS mengurus zakat. Ia tidak semudah yang disangka. Mudah-mudahan dengan kartun atau karikatur yang dicipta, ia dapat mencetus kesedaran orang ramai. Kesedaran agar tidak memandang negatif kepada institusi zakat. Kesedaran untuk memperbetulkan persepsi negatif mereka terhadap pengurusan zakat. Paling penting, menyuntik kesedaran untuk mereka berzakat di LZS.

Bagi saya, seorang kartunis sangat perlu mementingkan pendidikan. Kartun juga perlu bersifat mendidik. Untuk itu, saya menyambung pendidikan sehingga memperolehi Diploma Psikologi (Kolej Dar Hikmah), Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengurusan Islam) dan Sarjana Pengajian Islam dari Open University Malaysia (OUM) melalui Kertas Projek bertajuk 'Dakwah Zakat Melalui Kartun'. **Edisi**



GADGET DI KALANGAN KANAK-KANAK

Oleh: Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)

Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin FPPI KUIS

Kehairahan penggunaan *gadget* dikalangan masyarakat sangat menyentap semua peringkat umur bermula daripada peringkat dewasa hingga ke peringkat kanak-kanak. Dengan wujudnya rangkaian World Wide Web apa sahaja maklumat boleh dicapai dengan mudah.

“Menghubungkan Manusia” begitulah hakikat penciptaan *gadget* namun ianya telah “Menjauhkan Manusia” dalam alam realiti kerana kealpaan dan keasyikan yang melampau. Kadangkala *gadget* dijadikan “umpan” untuk anak-anak bagi memudahkan ibubapa berurusan dan menjalani kehidupan yang akhirnya ianya telah merosakkan hubungan antara mereka.

Pada dasarnya *gadget* merujuk komponen yang berkaitan dengan peralatan komunikasi seperti telefon pintar, laptop, tablet dan seumpamanya sangat bermanfaat dalam kehidupan moden ini kerana beberapa faktor:



Namun begitu disebalik kemudahan yang dikecapi tersimpul satu cabaran yang mendatang akibat keterlaluan dalam sesuatu perkara. Ianya menyebabkan pengguna terlalu bergantung kepada *gadget* sehingga mengabaikan perkara lain. Ada beberapa tanda yang menunjukkan bahawa kanak-kanak telah ketagihan *gadget* antaranya:

- Kurang Aktiviti Luar.** Asyik dengan *gadget* secara berlebihan menyebabkan individu suka duduk bersendirian sepanjang masa.
- Tidak boleh berenggang dengan *gadget*.** Ibu bapa boleh mengenal pasti sama ada anak-anak mereka telah ketagih apabila mereka tidak mahu berjauhan dengan *gadget* mereka walaupun untuk ke tandas.
- Mudah marah, menangis dan tidak bersabar.** Ini sebahagian reaksi kanak-kanak apabila ibubapa menghalang atau menyekat *gadget* dalam kehidupan harian mereka.

Lantaran itu ibu bapa perlu mengambil langkah pengawasan dalam memastikan pengembangan anak-anak mereka. Setiap perkara ada *pro* dan *contra* pastinya kanak-kanak antara yang terkesan dengan gelombang ICT ini yang telah menimbulkan beberapa kontradiksi di dalam kehidupan mereka. Justeru pihak ibubapa mesti memastikan beberapa tindakan perlu diambil bagi memberikan kesan positif dalam kehidupan seperti:

- Matlamat yang jelas.**
Menetapkan beberapa peraturan asas dan memantau penggunaan *gadget* supaya dapat merasai kebaikan yang diterima untuk perkembangan diri mereka.
- Kawalan Kendiri**
Sediakan maklumat yang positif serta dapat memberikan maklumat, pendidikan, inspirasi positif dan saring maklumat-maklumat negatif.
- Limitasi Masa**
Setiap aktiviti mesti memiliki kadar masa yang sesuai bagi mengelakkan kelekaan ataupun kelalaian demi perkembangan fizikal dan mental anak-anak.
- Masa Bersama**
Pantau dan bimbing anak-anak mengurus masa dalam menggunakan *gadget* dan internet. Jadikan setiap pertemuan adalah untuk mengeratkan kasih sayang.
- Aktiviti Tanpa *Gadget***
Memurnikan semangat komunikasi berkesan antara ibubapa dan anak-anak di dalam ataupun di luar rumah seperti makan bersama, beriadah ataupun sebarang aktiviti tanpa *gadget*.

Asasnya peranan ibubapa sangat penting, Ibubapa adalah ‘boss’. Jangan terlalu mudah “cair” atau mengalah pada tangisan, pujuk rayu dan lakonan anak-anak. Berpadu dan sepakat dalam membuat keputusan mengawal dan memantau serta menjadi contoh teladan kepada anak-anak.

Gadget bukanlah ‘pengasuh’ untuk anak-anak. Jangan biarkan mereka bersendirian dengan *gadget* tanpa kawalan kerana ia akan mengundang kesan negatif kepada mereka sendiri. Berkommunikasi bersama mereka kerana itulah asset yang paling berharga. **Edisi**

NZHA lwn AAZ

PERMOHONAN TUNTUTAN NAFKAH TERTUNGGAK

Susunan oleh: Siti Zurinah Binti Zainal Abidin (zurinah@mais.gov.my)

Pengurus Kesetiausahaan, MAIS

Sumber: <http://www.jakess.gov.my/pdffile/koleksipenghakiman>

RINGKASAN KES

Permohonan di hadapan Mahkamah ini merupakan satu prosiding pelaksanaan yang difaiklan oleh Pemutang Penghakiman terhadap Penghutang Penghakiman. Pemutang Penghakiman adalah bekas isteri manakala Penghutang Penghakiman merupakan bekas suami setelah masing-masing bercerai pada 4 Julai 2008 dengan kebenaran Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam. Pihak-pihak telah dikurniakan dengan tiga (3) orang cahaya mata lelaki.

Pada 11 Ogos 2011, satu Penghakiman berkenaan Nafkah Anak telah direkodkan menerusi Saman No: 10300-028-0148-2008 di mana terma Penghakiman berkenaan Nafkah Anak tertera pada *terma 3* seperti berikut:

"Atas persetujuan Plaintiff, Plaintiff difardhukan dan diperintahkan memberi dan menyerahkan nafkah ketiga-tiga orang Anak tersebut sebanyak RM 4,000-00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja) sebulan sehingga ada Perintah lain yang dikeluarkan oleh Mahkamah."

Kitab-kitab Yang Dirujuk

1. Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, 2008, *Al-Fiqh Al-Manhaji*, Jilid 2, Damsyik ; Dar Al-Qalam.

2. Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaily, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh* (terjemahan oleh Ahmad Shahbari Salamon et.al), *Kitab Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid VII, 2001, Dewan Bahasa dan Pustaka ; Kuala Lumpur.

Undang-Undang Yang Dirujuk

1. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, s. 78.
2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, s. 61.
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, s. 2, s. 4, s. 70, s. 73, s. 74, s. 76, s. 77.

KEPUTUSAN

SETELAH MAHKAMAH meneliti Afidavit Pemutang Penghakiman bertarikh 27 Oktober 2014, Afidavit Jawapan Penghutang Penghakiman bertarikh 15 Februari 2016, Hujahan Peguam Pemutang Penghakiman bertarikh 17 Ogos 2017, **SERTA** Hujahan Peguam Peghutang Penghakiman bertarikh 3 Ogos 2017 bersama dokumen dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, **MAKA DENGAN INI MEMUTUSKAN DAN MEMERINTAHKAN** seperti berikut;

2. Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff berdasarkan seksyen 176 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003.

Ulasan Kes NZHA lwn AAZ (Permobonan Tuntutan Nafkah Tertunggak)

Nafkah ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Ia termasuk keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, keagamaan dan perubatan.

Sekiranya isteri telah mendapat perintah Mahkamah Syariah bagi hak penjagaan dan nafkah anak, di mana bekas suami telah dan masih gagal mematuhi perintah tersebut, maka isteri boleh membuat permohonan penguatkuasaan dan perlaksanaan atas kegagalan mematuhi perintah yang diperoleh sebelum ini.

Permobonan oleh bekas isteri mengenai perintah pelaksanaan tuntutan nafkah boleh dipohon kerana termaktub di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui peruntukan seksyen 61 (3) (b) (iii) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Perintah nafkah anak menunjukkan seseorang lelaki atau bapa adalah berkewajipan untuk menanggung nafkah anak-anaknya sama ada berada dalam jagaannya atau di bawah jagaan orang lain. **Edisi**



قرساتوان قنچینتا تولیسن جاوي سلاڠور (قنجاويس)

Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Selangor (PENJAWIS)

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
Sumber: <https://www.facebook.com/PENJAWIS/>

Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Selangor (PENJAWIS) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO*i*) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam MAIS. Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Selangor (PENJAWIS) bertempat Fasa 2B1 Shah Alam 2, 42300 Bandar Baru Puncak Alam, Selangor.

Tujuan utama penubuhan PENJAWIS adalah untuk mengumpul, menyatu semua peminat dan ahli ilmuan tulisan Jawi, menyemarak, membudayakan serta memanfaatkan tulisan Jawi dalam pelbagai kegiatan semasa memperolah dan mengembangkan ilmu dan pendidikan seluruh negeri Selangor, 20 tahun akan datang semua ummat Melayu Islam di Selangor pandai 3M Jawi.

Penjawis ditubuhkan pada tahun 2006 dan 2013 diterima menganggotai NGO*i* MAIS, kini telah menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan melibatkan pelbagai peringkat kanak-kanak, remaja, belia dan dewasa yang berminat untuk menguasai kemahiran kemahiran dalam tulisan Jawi. Gabungan kepakaran daripada pelbagai bidang terutama dari segi mempelbagaikan program mengikut arus semasa untuk menarik minat orang ramai mempelajari tulisan Jawi.



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO*i*, Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com

Objektif penubuhan PENJAWIS adalah:

1. Menyemarak dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi dalam segala urusan melalui media cetak dan elektronik;
2. Memanfaatkan tulisan Jawi dalam pelbagai kegiatan mengolah dan mengembangkan ilmu dan pendidikan di seluruh negeri Selangor; dan
3. Mengumpul dan menyatukan semua peminat tulisan Jawi di seluruh negeri Selangor.

Kepakaran PENJAWIS melibatkan:

1. Latihan dan kursus berkaitan ilmu tulisan Jawi (sejarah, sistem tulisan dan ejaan, aspek pedagogi dan andragogi serta metodologi pengajaran);
2. Ceramah, motivasi dan klinik sistem ejaan Jawi baru serta berkarya dalam tulisan Jawi;
3. Penerbitan Buku awal remaja dalam 3 bahasa Jawi, Arab dan Inggeris melalui Elektronik Multimedia; dan
4. *Train The Trainer* (program pembangunan sahsiah dan mengenali potensi diri melalui aktiviti jawi). **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MAIS Rai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Pesara

SHAH ALAM 1 Ogos 2019 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Apresiasi MAIS 2019 pada 1 Ogos 2019 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam.

Majlis ini meraikan seramai 26 orang penerima Anugerah meliputi Anugerah Pegawai Cemerlang Tahun 2018, Anugerah Pengiktirafan Perkhidmatan 15 Tahun, Haji Tajaan MAIS 2019, Umrah Tajaan MAIS 2019, Anugerah Persaraan Tahun 2019 dan Anugerah Persaraan Tahun 2020.

Penyampaian sijil dan hadiah telah disempurnakan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Pengerusi MAIS diiringi oleh YAD Dato Haji Emran bin Haji Kadir, Timbalan Pengerusi MAIS dan Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha MAIS. [Edisi](#)

Lawatan Kerja Yayasan SOFA Ke Majlis Agama Islam Selangor

SHAH ALAM 22 OGOS – Lawatan kerja daripada Yayasan Sofa ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diadakan pada 22 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat Al-Mukarramah Tingkat 10, Menara Utara, Majlis Agama Islam Selangor.

Lawatan ini dipengerusikan oleh YBhg. Dr. Ahmad Shahir bin Makhtar, Pemangku Setiausaha MAIS. Ketua delegasi daripada Yayasan Sofa ialah YBhg. Ustaz Haji Md Farid bin Samad Al-Hafiz, Yang Di-Pertua Yayasan Sofa. Jumlah delegasi daripada Yayasan Sofa adalah seramai 7 orang.

Tujuan lawatan kerja diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim, mendapatkan pandangan

MAIDAM Lawat MAIS

SHAH ALAM 13 SEPTEMBER 2019 – Seramai 15 orang pegawai daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) diketuai oleh Dato' Haji Osman bin Muda, Yang Dipertua MAIDAM telah mengadakan lawatan ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Lawatan disambut dengan mesra oleh YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Pengerusi MAIS bersama pengarah-pengarah MAIS dan wakil daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Tujuan utama lawatan ke MAIS adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di samping mendapatkan maklumat berhubung pengurusan wakaf dan zakat di negeri Selangor. [Edisi](#)



serta nasihat tentang kerjasama pendidikan dan dakwah. Selain itu, turut hadir dalam lawatan ini ialah Ustazah Normadiah binti Haji Harun, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan JAIS serta pegawai-pegawai MAIS. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



Majlis Ibadah Korban Agensi Agama Islam Negeri Selangor

SHAH ALAM 13 Ogos 2019 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama-sama Agensi Agama terdiri daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JAPSS), Perbadanan Wakaf Selangor dan Lembaga Zakat Selangor telah mengadakan Majlis Ibadah Korban yang diadakan di tapak letak kenderaan Bangunan Sultan Idris Shah. [Edisi](#)

KUIS Terima Zakat RM100K ETIQA Sempena Hi Tea Sahabat Zakat KUIS

BANGI - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima sumbangan Zakat sebanyak RM70,000 daripada Etiqa Family Takaful Berhad dan RM30,000 daripada Etiqa General Takaful Berhad bersempena dengan program Hi-Tea Sahabat Zakat KUIS (SZK) yang telah diadakan pada 24 Julai 2019 di Bangi Golf Resort, Bandar Baru Bangi.

Program ini yang julung kali diadakan bagi meraikan Sahabat Zakat KUIS seramai 39 orang yang selama ini membantu meningkatkan kutipan zakat KUIS bermula dari tahun 2016-2018. Jumlah kutipan Zakat KUIS sepanjang ianya ditubuhkan adalah sebanyak RM 6,795,266.24 dan telah diagihkan kepada lebih 4,086 orang pelajar setiap semester yang mempunyai masalah kewangan.

Sesi penyerahan cek telah disampaikan oleh Tuan Zaharudin bin Daud, CEO Etiqa General Takaful Berhad dan diterima oleh wakil KUIS Profesor Dato' Dr Ab Halim bin Tamuri selaku Rektor KUIS merangkap Pengurus Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat KUIS. [Edisi](#)



Pemegang Tauliah Mengajar Negeri Selangor Diberi Pendedahan Terkini Ancaman Syiah

SHAH ALAM 22 Ogos 2019 – Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menganjurkan Seminar Isu-isu Semasa Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019 di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Shah Alam, Selangor.

Seminar yang mengupas isu-isu terkini ancaman syiah itu disampaikan oleh Ustaz Jamali Mohd Adnan (Pegawai JAWI), Pegawai Cawangan Khas (PDRM Bukit Aman) dan Ustaz Muhammed Fairooz bin Mohamed Fathillah (Pensyarah Kanan KUIS).

Seminar yang dihadiri oleh 350 orang pemegang tauliah Negeri Selangor dan kakitangan awam ini telah dirasmikan oleh Ustazah Sabariah binti Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIS. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Pelajar Asnaf Sekolah PROSAZ Terima Bantuan Rancangan Agihan Wang Saku

SHAH ALAM 22 Julai 2019 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperkenalkan Rancangan Agihan Wang Saku (RAWS) di bawah Program Sekolah Angkat Zakat Selangor (PROSAZ) bagi meringankan perbelanjaan harian keluarga asnaf fakir dan miskin di Selangor.

Ia melibatkan seramai 14,829 orang pelajar asnaf fakir dan miskin di 231 buah sekolah rendah serta menengah terpilih di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Untuk makluman, pemilihan sekolah terbabit disebabkan jumlah pelajar asnaf fakir dan miskin yang ramai di situ.

Melalui RAWS, pelajar terlibat akan menerima agihan dalam wang saku atau penyediaan makanan. Ia merupakan salah satu bentuk bantuan zakat yang disalurkan bagi menyantuni anak-anak asnaf fakir dan miskin. **Edisi**

YIDE Edar 1,000 Keping Penutup Mulut (Face Mask)

SHAH ALAM 20 September 2019 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) bersama Skuad Sukarelawan YIDE mengedarkan 1,000 keping penutup mulut dan air mineral di Masjid Jamek Raja Tun Uda, Seksyen 16.

Pengedaran Face Mask ini dilaksanakan sebagai tanggungjawab sosial YIDE, yang mana sebagai badan berorientasikan kebaikan di bawah MAIS. Dalam masa yang sama juga, pihak masjid telah mengadakan solat sunat Istisqa' bagi memohon untuk hujan turun bagi meredakan jerebu yang memudaratkan.

Pengurus Operasi, Bahagian Kebajikan dan Publisiti YIDE, Md. Arifin Jaafar, pengedaran penutup mulut ini adalah

Sultan Selangor Berkenan Melawat Ruang Bacaan LZS

SHAH ALAM 22 Ogos 2019 – Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan melawat ruangan bacaan kanak-kanak sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bersempena dengan Majlis Perasmian Hospital Pakar Wanita dan Kanak-kanak Avisena di Seksyen 14 di sini.

Turut berangkat ke majlis tersebut Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.

Sumbangan ruang bacaan ini adalah di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LZS bagi memenuhi sudut bacaan hospital, di samping membentuk generasi muda yang berilmu dan berpengetahuan.

Selain itu, ia dapat mewujudkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak yang bebas tanpa gajet serta sihat dari fizikal, pemikiran dan mental.

Hadir sama Pengerusi LZS, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan Mat Yusop. **Edisi**



sebagai salah satu langkah awal menjaga kesihatan bagi menghadapi fenomena jerebu ini dan minggu lepas YIDE juga telah edarkan 1,000 penutup mulut di sekitar kawasan Johan Setia. **Edisi**



SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KELAPAN BELAS)

اوليه : نورانیتا بنت عبد الرحمن
منشی دیوان (جاوی)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU. VOKAL BERGANDING DENGAN HAMZAH (UI)

Kita masih lagi membicarakan vokal berganding atau rangkap vokal. Tetapi tajuk kita kali ini ialah vokal berganding “ui”. Vokal berganding “ui” ialah dua huruf yang berturutan vokal “ui” dalam satu perkataan dan disebut dengan dua suku kata. Kaedah mengeja vokal berganding “ui” dalam tulisan jawi ialah dieja dengan meletakkan hamzah pembeza.

Contoh vokal berganding ‘ui’ ialah:

RUMI	JAWI	RUMI	JAWI
buih	بُويه	kuiz	کوئیز
cuit	چوئیت	luik	لوئیق
duit	دوئیت	puing	فوئیغ
guit	کوئیت	suir	سوئیر
juih	جوئیه	suis	سوئیس
kuil	کوئیل	suit	سوئیت
kuis	کوئیس	tuil	توئیل
kuit	کوئیت	tuit	توئیت
kuih	کوئیه موئیه		

Fungsi hamzah ialah sebagai pembeza maksud, iaitu membezakan dua bunyi yang berlainan maksud apabila huruf hamzah tidak ditulis.

Contohnya perkataan buih, jika dieja mengikut padanan huruf seperti ini **بُويه** bila dibaca bunyi buyah, bukan buih. Untuk menghasilkan bunyi buih maka diletakkan ‘ء’ selepas huruf alif ‘بُويه’ Mari kita lihat contoh lain:

juih	جویه	joyah	جوےیه
kuis	کویس	kuyas	کوےیس
suis	سویس	suyas	سوےیس

PERJUANGAN AKIDAH KESEJAHTERAAN UMMAH

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
Sumber: Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS

عقيدة إسلام سچارا خصوص ممبري مقصود كيقينن تر هادف انم روكون ايمان يغ ترديري درڅاچاین کفڈ الله سبحانه وتعالى، څارا ملانکة، كتاب ۲، فارا رسول، هاري قيمة سرتا قضا دان قدر، کسموا کفرچای ان اين ټرلو دنت کن ددام هاتي، دلفظن دغۇن کات ۲ دان دلساناكن دغۇن عمالن، عقيدة ممقو ملاھيرکن كيقينن يغ کوات سرتا تڭوه ددام مغىياتي سلوروه اسفيك كەھيدوقن دان عمل عبادة کفڈ الله.

جلسله بهوا عقيدة بوکن سهاج دليهت ممقو برقرانن ممبنتوك انسان سمقورنا، تناخي عقيدة برقرانن مناتيجهكن اومة سجهترا سرتا نگارا هرمونى دان بهائىيا، بهكىن، عقيدة يغ صحيح ممقو منجامين كىھاكىي ان سرتا كسجهتران ماعنسى بوکن هان دننىا تناخي سەھىغىڭ كاخيرقۇن.

اومنت إسلام واجب برفع تڭوه دغۇن عقيدة أهل السنة ولجماعة باڭى منجامين كسجهترا عن دان كجاياعن هيدوف دننىا دان دأخىرة برترسكن عقيدة إسلام، اومنت إسلام مستىله برساتو ۋادۇ برترسكن عقيدة إسلامية سباڭىي اساس كقواتن سرتا كسجهت ران امة،

اومنت إسلام هندقله سنتىاس بروسفادا تر هادف سبارغ اجرن سىست، مېلىيۇغ دان مېالەي أهل السنة ولجماعة يغ بولىيە مېباوا كروسقى دان ۋەرقەن.

Akidah Islam secara khusus memberi maksud keyakinan terhadap enam rukun iman yang terdiri daripada kepercayaan kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari kiamat serta qadak dan qadar. Kesemua kepercayaan ini perlu ditetapkan di dalam hati, dilafazkan dengan kata-kata dan dilaksanakan dengan amalan. Akidah mampu melahirkan keyakinan yang kuat serta teguh di dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadat kepada Allah.

Jelaslah bahawa akidah bukan sahaja dilihat mampu berperanan membentuk insan sempurna, tetapi akidah berperanan menatijahkan ummah sejahtera serta negara harmoni dan bahagia. Bahkan, akidah yang sahih mampu menjamin kebahagiaan serta kesejahteraan manusia bukan hanya didunia tetapi sehingga ke akhiratnya.

Umat Islam wajib berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi menjamin kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat berteraskan akidah Islam. Umat Islam mestilah bersatu padu berteraskan akidah Islamiah sebagai asas kekuatan serta kesejahteraan ummah.

Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada terhadap sebarang ajaran sesat, menyeleweng dan menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang boleh membawa kerosakan dan perpecahan. **Edisi**

PUSARA PENDAPATAN DI MATA DUNIA

Disediakan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat MAIS*
 Sumber: *Encik Baharudin Bin Hassan, Fitrah Enterprise 002128841-W*

Pusara. Bila mana menyebut berkaitan pusara sudah pastinya minda ini terus memikirkan ianya adalah tanah perkuburan. Di Malaysia khususnya di Negeri Selangor, tanah perkuburan Islam adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pengurusannya adalah di bawah Masjid Kariah dalam memastikan tanah perkuburan terus dipelihara dan diuruskan dengan baik.

Namun seorang insan yang bernama Encik Baharudin bin Hassan, seorang pembuat kepok dan pusara tidak pernah jemu membina kepok dan pusara mengikut permintaan pelanggannya. Fitrah Enterprise merupakan sebuah syarikat yang menjalankan urusniaga pemasangan kepok dan nisan di sekitar Daerah Petaling. Sebelum bergiat aktif pada April 2018 perniagaan ini, Encik Baharudin juga membuat pelbagai kerja termasuk membuat lanskap dan meja simen dengan menggunakan bahan buangan.

Perniagaan beliau kini dibantu sepenuhnya oleh isteri dan anak-anaknya. Semangat dan kekuatan yang dikurniakan kepada Encik Baharudin terus dimanfaatkan bagi menyara 4 orang ahli keluarganya dengan membuat kepok dan nisan untuk menjalani kehidupan seharian seperti manusia biasa. Pendapatan yang mereka terima sekeluarga akan dikongsikan dengan asnaf, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang duduk sekitar rumah Encik Baharudin yang terletak di Kg. Paya Jaras, Sungai Buloh.

Sepanjang menguruskan perniagaan ini, Encik Baharudin tidak terlepas dengan pengalaman mistik. Diceritakan



sendiri oleh anak beliau di mana, beliau sekeluarga telah didatangi oleh seorang pelanggan yang berhajat untuk membuat kepok pada pusara arwah ayahnya.

Cerita bermula apabila waris ini (pelanggan) telah termimpi pada satu malam selepas kematian arwah ayahnya. Dalam mimpi itu, arwah ayahnya minta untuk mencari pembuat kepok yang menjalankan perniagaan itu bersama dengan anak-anaknya. Namun setelah 2 tahun berlalu untuk mencari pembuat kepok seperti dalam mimpinya, waris ini membuat keputusan untuk mengambil perkhidmatan kepok yang ditawarkan di dalam laman sesawang.

Dijadikan cerita, waris ini telah berjumpa dengan pembuat kepok ini seperti dalam mimpinya. Waris ini juga menceritakan bahawa Encik Baharudin dan anak-anaknya adalah orang yang sama dalam mimpinya. Waris ini sangat bersyukur dan sangat terkejut dengan peristiwa yang dihadapi olehnya.

Perniagaan Encik Baharudin kini semakin maju dengan bantuan daripada Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan Lembaga Zakat Selangor, pihak Masjid Al Huda, Kg. Paya Jaras dan masyarakat setempat. Beliau berharap agar perniagaan ini berkembang dengan maju pada masa akan datang. Kepada yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan Encik Baharudin, bolehlah terus menghubungi beliau di talian 017-6612074 atau 014-9573597 atau terus ke tempat perniagaan di alamat Lot 2994 Kg. Paya Jaras, Bt 15, Jalan Sungai Buloh 47000 Sungai Buloh atau boleh layari Facebook pusaradanlandskap.

Edisi



Soal Jawab Berkaitan Maulidur Rasul

Oleh: Puan Noor Huda binti Roslan (noorhuda@esyariah.gov.my)
Ketua Pendaftar, Jakess

1. Apakah Pandangan Syariat berkaitan sambutan Maulidur Rasul?

Sambutan Maulidur Rasul adalah sambutan yang diadakan sempena hari kelahiran baginda Rasulullah SAW, menurut pandangan sebahagian ulamak seperti Imam al-Suyuti beliau menyatakan bahawa amalan tersebut adalah baik dan akan diberi pahala serta ganjarannya, kerana bertujuan melahirkan rasa cinta dan sayang kepada junjungan Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas Bin Malik, Rasulullah SAW bersabda:

"Tidak (sempurna) iman seseorang sehingga aku menjadi orang yang paling disayanginya melebihi ahli keluarganya sendiri dan hartanya dan manusia keseluruhan."

(Riwayat Muslim)

Salah satu tanda seseorang itu menyayangi Rasulullah SAW adalah dirinya merasa gembira dengan kelahiran Rasulullah SAW, serta berbangga dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

2. Apakah amalan yang boleh dilakukan ketika menyambut Maulidur Rasul?

Antara amalan yang boleh untuk dilakukan adalah berpuasa. Diriwayatkan dari Abu Qatadah, sesungguhnya Rasulullah SAW pernah ditanya tentang puasa Isnin? Maka Baginda menjawab:

"Padanya aku dilahirkan dan padanya diturunkan (al-Quran) ke atasku."

(Riwayat Muslim)

Hadis di atas memberikan isyarat bahawa Rasulullah SAW berpuasa pada hari Isnin bagi mensyukuri nikmat Allah atas kelahirannya pada hari tersebut. Maka, jika Rasulullah SAW sendiri berpuasa pada hari Baginda dilahirkan begitulah juga yang sewajarnya dilakukan oleh umat Islam pada hari ini, sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah kerana diutuskan Rasulullah SAW.

Berselawat juga antara amalan yang digalakkkan pada sambutan Maulidur Rasul. Menurut pandangan Syeikhul Islam Sayid Dahlān menyatakan bahawa selawat dan berdiri kerana membesarlu Nabi adalah amalan baik lagi mulia. Perbuatan berhimpun di masjid atau di surau, di samping dapat solat fardhu berjemaah. Demikian juga amalan berzanji yang dimaklumi mengandungi pujian tertinggi kepada Nabi Muhammad SAW dan diikuti dengan selawat kepada baginda tidak dapat dinafikan mengandungi banyak kebaikan di dalamnya. Sabda Baginda yang bermaksud:

"Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali Allah S.W.T berselawat ke atasnya 10 kali"

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Ini antara amalan yang boleh dilakukan ketika menyambut Maulidur Rasul. Meskipun sambutan tersebut merupakan perkara yang baik, namun mestilah dipastikan ianya menepati syariat Islam baik dari sudut akidah, syariah dan akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah.

3. Terdapat pandangan yang mengatakan sambutan Maulidur Rasul termasuk di dalam perkara bida'ah yang mesti dielak?

Imam al-Suyuti meriwayatkan daripada Imam Baihaqi dalam kitab Manaqib al-Syafii. Imam al-Syafii berkata: Perkara-perkara baharu yang diadakan terbahagi kepada dua bentuk:

- Perkara yang diadakan menyalahi al-Quran, al-Sunnah, pandangan ulamak salaf dan ijma', maka ia adalah bid'ah (perkara baharu) yang sesat
- Jika perkara yang diadakan itu ada kebaikan yang tidak bertentangan dengan mana-mana daripada al-Quran, al-Sunnah, pandangan Ulamak Salaf Dan Ijma', maka ia adalah bid'ah (perkara baharu) yang tidak tercela.

Oleh itu, berdasarkan pandangan ini sambutan Maulidur Rasul tidak termasuk di dalam perkara bid'ah (perkara baharu) yang menyesatkan. Seligimana ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam.

4. Mengapa tiada sambutan Maulidur Rasul pada zaman Sahabat dan golongan salaf?

Ketika masyarakat Islam semakin jauh dari zaman Rasulullah SAW, maka umat Islam juga semakin jauh dari ilmu dan sirah yang menceritakan tentang kehidupan Rasulullah SAW. Juga kesan dari perkembangan ilmu barat yang menghakis nilai-nilai Islam sehingga tersebar pandangan-pandangan songsang seperti fahaman Liberalisme, Pluralisme dan fahaman-fahaman lain. Maka muncul para ilmuwan Islam yang ingin memupuk rasa cinta kepada Rasulullah SAW dengan meletakkan tarikh kelahiran baginda sebagai hari sambutan Maulidur Rasul.


Adalah tidak wajar menilai sesuatu dengan hanya berasaskan para salaf tidak melakukan adat dan tradisi sambutan Maulidur Rasul tanpa melihat perbezaan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam antara dua zaman yang berlainan dalam memupuk kecintaan kepada Rasulullah SAW dalam masyarakat. **Edisi**

SINOPSIS BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN TERPILIH PERPUSTAKAAN WAKAF MAIS

RAHSIA PELAJAR CEMERLANG

CALL NO : 371.30281
TOH


Buku ini mengisahkan tentang rahsia untuk menjadi pelajar cemerlang. Ia telah dikarang khas untuk rujukan para pelajar, guru dan juga ibu bapa bagi proses pembelajaran dan membuatkannya lebih berkesan. Dalam menjadi pelajar yang cemerlang, pelbagai strategi telah digariskan sebagai kaedah dalam proses pembelajaran ini seperti strategi motivasi, strategi berusaha, strategi belajar, strategi pengurusan masa, strategi kesihatan dan strategi peperiksaan. Kesemua strategi ini diterangkan dengan jelas untuk diamalkan dan dilaksanakan oleh pembaca agar segala penat lelah pelajar dapat diterjemahkan untuk mencapai kejayaan.



MEMBINA IMAGINASI CEMERLANG

CALL NO : 153.8 HMT


Buku ini mengisahkan cerita berkaitan imaginasi dan kekuatan akan bagi manusia. Ia mengajar bagaimana untuk menguasai diri dengan mengenali kekuatan dan keajaiban minda yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada manusia. Manusia mempunyai minda sedar dan separuh sedar. Dengan menguasai minda separuh sedar, setiap manusia dapat bertindak balas terhadap sesuatu masalah dengan spontan manakala minda sedar bertindak sebagai perisai bagi manusia dalam bertindak balas atas perkara yang memerlukan daya berfikiran yang tajam.



CERITA-CERITA MOTIVASI UNTUK PELAJAR

CALL NO : 153.8 HAM

Buku ini adalah himpunan kisah-kisah yang dapat merangsang minda pelajar untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Penulisan kisah yang pendek dapat membuatkan pembaca berfikir tentang maksud yang tersirat dalam setiap kisah yang dihidangkan. Secara khususnya ada terdapat 126 cerita-cerita pendek dengan pelbagai tajuk bagi merangsang pelajar untuk lebih berjaya di masa hadapan.




Hamedah Wok Awang

ADD PAHALA DELETE DOSA

CALL NO : 297.57 MRK

Sebuah karya mengenai amalan dan ibadah harian yang ditujukan khas untuk pelajar dan golongan muda. Perkongsian kisah dan tip yang tercatat di dalamnya amat membantu orang muda untuk terus beramal walaupun hanya dengan amalan-amalan kecil sekalipun. Ia membantu kita untuk mengenal pasti adakah kita orang muda yang begitu bermotivasi dalam melakukan amal ibadah.



Mohd Razali Kamarudin

NOTA PENTING :

Untuk pertanyaan dan urusan pinjaman sila hubungi Encik Mohd Zharif, Eksekutif Perpustakaan Wakaf di talian 03-5510 8631 atau layari sendiri Katalog Online Perpustakaan Wakaf di <http://libmais.gov.my> untuk carian bahan yang lain.

IBNU SINA :

Penulis Pertama Ensiklopedia Kedoktoran

Susunan oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)

Pengurus Penyelidikan, MAIS

Sumber: Ilmuwan Islam (2014)

Ibnu Sina yang lebih dikenali di Barat dengan nama Avicena yang mempunyai nama lengkap Abu Ali al-Huseyn bin Abdullah bin Hasan Ali bin Sina. Menurut Ibnu Khalikan dan al-Qifti serta Bayhaq, ia lahir pada bulan Safar 370H/Ogos 980M. Menurut Ibnu Abi Ushaybi'ah ia lahir pada tahun 375H di desa Afshanah dekat kota Kharmaitan daerah Bukhara di Afganistan. Ayahnya tergolong sederhana berasal dari Bulkya yang diangkat oleh penguasa Samanish Nuh II bin Mansyur untuk memududuki Jabatan Gabenor di sebuah distrik di Bukhara.

Pelajaran pertamanya pada masa kanak-kanak adalah al-Quran dan sastera yang diberikan secara peribadi kepada ayahnya. Walaupun masa belajarnya pada pendidikan formal berlangsung amat singkat, namun tidak seorang pun menyaksikan ketajaman otaknya yang luar biasa serta daya ingatnya yang amat kuat. Pada usia 10 tahun, ia sudah hafal al-Quran.

Ia mulai belajar pada usia dini, lima tahun. Dan hanya dalam waktu tiga belas tahun saja, bererti pada usia remaja delapan belas tahun, Ibnu Sina sudah menguasai seluruh cabang ilmu pengetahuan yang ada pada waktu itu. Ilmu-ilmu agama seperti tafsir, fiqh, perbandingan agama (usuluddin), tasawuf, dan sebagainya sudah dikuasainya ketika baru berusia sepuluh tahun. Setelah itu, ia belajar ilmu hukum, logik, matematik, fizik, politik, kedoktoran, dan falsafah. Pada masa kecilnya, ia dibimbing dan dididik belajar oleh Abu Abdullah Natili, seorang sahabat karib ayahnya, iaitu Abu Bakr al-Khwarizmi, dan ayahnya sendiri.


Ibnu Sina juga dikenal sebagai *autodidact* (orang yang belajar sendiri tanpa guru ataupun pelajaran secara formal) yang amat tekun dan berterus terang. Ilmu kedoktoran misalnya, ia kuasai dalam waktu hanya satu setengah tahun tanpa tunjuk ajar seorang guru pun. Bahkan menurut Rom Landau, nama Ibnu Sina menjadi masyhur dan menjadi taraf internasional sebagai doktor pakar jauh melebihi doktor-doktor ternama yang ada pada masa itu, seperti misalnya Ali bin Sahlath, Thaba'i, Ali bin al-Abbas al-Majusi dan Abu Bakr Muhammad bin Zakariyya ar-Razi.

Pada usia 12 tahun, ketika berada di Khwarasin, ia mulai menulis karyanya yang berjudul *al-Majmu (Comperedim, Ikhtisar)* yang memuat pelbagai macam ilmu pengetahuan umum yang lengkap. Kemudian melanjutkan menulis buku-buku lain. Nama semua buku yang pernah ditarik Ibnu Sina, termasuk yang berbentuk risalah yang kecil dimuat dan dihimpun dalam satu buku besar yang berjudul *Essay de bibliographies Avicenna* yang dibuat oleh Pater Dominican di Kaherah. Pada tahun 1950M buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Liga Arab bahagian kebudayaan dengan nama Muallafat Ibnu Siena (Karangan-karangan Ibnu Sina) termasuk di dalamnya bukunya yang amat terkenal *Al-Qanun fi ath-Thibb (Canon of Medicine, Konstitusi Ilmu Kedoktoran)*.

Ibnu Sina menjadi tempat meminta nasihat bagi para pembesar dan cerdik pandai. Ia mengubati penyakit mereka dan menyembuhkannya. Dan di tengah-tengah kesibukannya yang amat padat itu, ia masih mampu menulis buku yang amat cemerlang, iaitu *al-Qanun fi ath-Thibb*. Buku ini sejak zaman Dinasti Han di China telah menjadi buku standard karya-karya perubatan China. Teori-teori anatomji dan fisiologi yang terkandung di dalamnya telah didasari sebahagian besar analogi manusia terhadap negara, dan mikro kosmos (dunia kecil) terhadap alam semesta sebagai makro kosmos (dunia besar). Misalnya digambarkan bahawa syurga kayangan adalah bulat bundar dan bumi adalah bersegi, dan dengan demikian kepala itu bulat dan kaki empat persegi. Terdapat 4 musim dan 12 bulan dalam setahun, dengan begitu manusia memiliki 4 tungkai dan lengan (anggota badan) mempunyai 12 tulang sendi. Jantung (heart) adalah "penguasa tubuh manusia", sementara paru-paru adalah menterinya. Hati merupakan jeneral sang badan, sedang hempedu sebagai "markas pusatnya". Limpa dan perut sebagai "gudang" sedangkan usus merupakan sistem komunikasi dan sistem pembuangan.

Canon of Medicine memuat pernyataan yang tegas bahawa;

Darah mengalir secara terus-menerus dalam suatu lingkaran dan tidak pernah berhenti.



Namun ini belum dianggap sebagai suatu penemuan tentang sirkulasi darah. Kerana bangsa China tidak membezakan antara urat-urat darah halus (*Vena*) dengan pembuluh nadi (*arteries*). Analogi tersebut di atas hanyalah sebuah analogi yang digambarkan antara gerakan darah dan sirkulasi alam semesta, pergantian musim, dan gerakan-gerakan tubuh tanpa peragaan secara empirik pada keadaan yang sebenarnya.

Sejumlah besar karangan Ibnu Sina juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Latin dan Hebrew, yang pada abad-abad pertengahan keduanya merupakan bahasa-bahasa pengantar ilmu pengetahuan di masa itu. *Qanun fi ath-Thibb* misalnya yang telah dianggap sebagai "Buku suci" ilmu kedoktoran telah diterjemahkan ke dalam pelbagai macam bahasa dan telah menjadi buku yang menguasai dunia pengubatan Eropah selama kurang lebih 500 tahun. Bererti jauh lebih lama dan lebih penting dibanding buku-buku karangan Galen, seorang pakar kedoktoran Yunani yang sudah terkenal lebih dahulu.

Qanun fi ath-Thibb juga digunakan sebagai buku teks kedoktoran di pelbagai universiti di Perancis. Misalnya saja di Sekolah Tinggi Kedoktoran Montpellier dan Louvin pada abad ke-17M oleh Profesor Philip K. Hitti, buku tersebut disebut sebagai "Ensiklopedia Kedoktoran". Pada 30 tahun terakhir dari abad ke-15M, buku tersebut telah mengalami 15 kali penerbitan versi bahasa Latin dan sekali dalam bahasa Hebrew. Beberapa tahun kemudian barulah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Antara tahun 1150-1187M, Gerard dan Cremona menterjemahkan *Qanun fi ath-Thibb* ke dalam pelbagai bahasa, Perancis, Sepanyol, Hebrew, Itali dan sebagainya.

Dalam abad ke-16 Masihi, buku tersebut telah dicetak ulang berkali-kali lebih dari 21 kali. Penerbitan berpuluhan kali ini belum lagi termasuk penerbitan yang hanya mengambil bahagian-bahagian tertentu dari buku ini, yang jumlahnya tidak terhitung lagi. Dan penerbitan ini, baik dalam bentuk salinan langsung, terjemahan, komentar, dan sebagainya, berlangsung terus-menerus sampai abad ke-18M. **Edisi**



HIBAH

Definisi Hibah

Hibah adalah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.

Dalil Hibah

Firman Allah SWT yang bermaksud:
 "...Dan memberi harta yang dikasihinya kepada keluarga terdekat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan,..."

(Surah Al-Baqarah: 177)

Rukun Hibah

- Pemberi Hibah;
- Penerima Hibah;
- Barang yang dihibahkan; dan
- Akad Hibah.

Syarat Akad Hibah

- Ijab dan qabul; dan
- Tidak bertempoh.

Kadar Harta Yang Boleh Dihibahkan

Hukum Syarak memberikan kebebasan kepada pemilik harta untuk melakukan pemberian tanpa terikat kepada kadar tertentu. Bahkan, menurut ijmak, adalah harus bagi pemilik harta yang waras fikirannya menghibahkan keseluruhan hartanya. Namun, Rasulullah SAW mengingatkan kita supaya berlaku adil kepada anak-anak sebagaimana hadis daripada Nu'man bin Basyir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "berthaqwalah kepada Allah s.w.t., dan berlaku adillah sesama anak-anak kamu."

(Riwayat al-Bukhari)

Jenis-Jenis Hibah

- Hibah Mutlak;
- Hibah Amanah; dan
- Hibah Bersyarat.

Fi Penyediaan dan Penyimpanan Dokumen Hibah

RM300

Pelaksanaan Hibah

Sebagai wasi atau pemegang amanah yang dilantik selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 5(4). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. MAIS akan melaksanakan atau menyaksikan proses pindah milik harta yang dihibahkan dengan adil, telus dan profesional kepada penghibah dan penerima hibah.

Fi Pelaksanaan Hibah*

1% daripada harta yang dihibahkan

*Fi tidak termasuk dibursement, bayaran kepada agensi dan kos Mahkamah



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
• PENCETUS MINDA GENERASI •



PUSARA PENDAPATAN DI MATA DUNIA

LIHAT MUKA SURAT 15



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الجامعة الإسلامية العالمية الشاملة سلاغور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
CIKL000209

DI SINI LAHIRNYA DA'I, ULAMA & UMARA'

KEMASUKAN SESI II
OKT/NOV 2019

MULAKAN MASA DEPAN
ANDA DI
KUIS

PERMOHONAN SECARA ONLINE
TELAH DIBUKA MOHON SEKARANG
WWW.KUIS.EDU.MY

- Permohonan terbuka kepada warga negara Malaysia lepasan SPM / SVM / STPM / STAM / Matrikulasi / Asasi / Diploma / DVM & Setaraf
- Mod pengajian sepenuh masa / separuh masa.
- Permohonan Secara Online / Walk-In / WhatsApp / Facebook & Instagram.

PEMAKLUMAN PENDAFTARAN SESI II 2019/ 2020	
PROGRAM	TARIKH PENDAFTARAN
ASASI	19 OKTOBER 2019
DIPLOMA & IJAZAH SARJANA MUDA (SEPUHUH MASA)	16 NOVEMBER 2019
DIPLOMA & IJAZAH SARJANA MUDA (SEPARUH MASA)	7 DISEMBER 2019
IJAZAH SARJANA (KERJA KURSUS)	21 NOVEMBER 2019
IJAZAH SARJANA (PENYELIDIKAN)	19 NOVEMBER 2019
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH	19 NOVEMBER 2019

fbkuis instakuis 603 - 8911 7000 / 72 / 73 019 - 389 6937 / 019 - 226 0746